

# ANALISIS TAHAP KEPUASAN PENGHUNI ASRAMA TERHADAP PERSEKITARAN PEMBELAJARAN SERTA KESANNYA TERHADAP PRESTASI AKADEMIK PELAJAR

***AN ANALYSIS OF HOSTEL RESIDENTS' SATISFACTION WITH THE LEARNING ENVIRONMENT AND ITS EFFECTS ON STUDENTS' ACADEMIC ACHIEVEMENT***

**Nik Ahmad Farizan Nik Lah<sup>1</sup>**

<sup>1</sup> Politeknik Besut Terengganu (E-mail: farizan@polibesut.edu.my)

## Article history

**Received date** : 24-4-2025

**Revised date** : 25-4-2025

**Accepted date** : 20-5-2025

**Published date** : 3-6-2025

## To cite this document:

Nik Lah, N. A. F. (2025). Analisis tahap kepuasan penghuni asrama terhadap persekitaran pembelajaran serta kesannya terhadap prestasi akademik pelajar. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 8 (27), 9 - 16.

**Abstrak:** Kolej kediaman bukan sahaja berfungsi sebagai tempat tidur, namun sangat penting dalam membentuk pengurusan belajar dalam kalangan pelajar. Walaupun begitu, ianya bergantung kepada sejauh mana kolej kediaman tersebut mampu memberikan sokongan kepada pembelajaran penghuninya. Berdasarkan kepada isu ini, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap kepuasan penghuni kolej kediaman yang disediakan oleh Politeknik Besut Terengganu terhadap persekitaran pembelajaran, dan sejauh mana tahap kepuasan persekitaran pembelajaran mampu memberi kesan terhadap prestasi akademik mereka. Seramai 184 pelajar daripada tiga program di Politeknik Besut Terengganu iaitu Diploma Reka Bentuk Fesyen Batik, Diploma Reka Bentuk Kraft dan Diploma Teknologi Maklumat mengambil bahagian dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik. Analisis kajian ini menggunakan analisis deskriptif untuk mengukur tahap persetujuan pelajar terhadap item kajian dalam borang soal selidik berdasarkan nilai min. Berdasarkan kepada analisis yang dijalankan, majoriti responden sangat berpuas hati terhadap persekitaran pembelajaran di kolej kediaman Politeknik Besut Terengganu. Secara puratanya, tahap kepuasan adalah pada tahap yang tinggi (min 4.126). Item yang memperoleh skor min tertinggi (min 4.418) adalah bilik tidur di asrama, di mana responden bersetuju bahawa bilik tidur mereka adalah selesa untuk aktiviti pembelajaran. Manakala bagi kesan terhadap pembelajaran, majoriti pelajar juga bersetuju bahawa tinggal di kolej kediaman kampus meningkatkan prestasi akademik mereka. Secara puratanya, tahap kepuasan adalah pada tahap yang tinggi (min 4.126). Responden bersetuju bahawa bilik tidur mereka adalah selesa untuk aktiviti pembelajaran (min 4.418). Dapatkan kajian ini dapat membantu pihak pengurusan institusi untuk membuat penambahbaikan terhadap fasiliti dan perkhidmatan kolej kediaman, seterusnya mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif untuk menyokong kecemerlangan akademik pelajar.

**Kata Kunci:** Kolej kediaman, tahap kepuasan, prestasi akademik.

**Abstract:** Residential colleges not only serve as a place to sleep but also play a crucial role in shaping students' learning management. However, this depends on the extent to which the residential college can provide support for its residents' learning. Based on this issue, the objective of this study is to identify the level of satisfaction among residents of the residential colleges provided by Politeknik Besut Terengganu regarding the learning environment, and to determine how the level of satisfaction with the learning environment impacts their academic performance. A total of 184 students from three programs at Politeknik Besut Terengganu, namely the Diploma in Batik Fashion Design, Diploma in Craft Design, and Diploma in Information Technology, participated in this study. The research instrument used was a questionnaire. The analysis of this study employed descriptive analysis to measure the level of agreement among students on the questionnaire items based on the mean value. Based on the analysis conducted, the majority of respondents were highly satisfied with the learning environment at the residential colleges of Politeknik Besut Terengganu. On average, the level of satisfaction was high (mean 4.126). The item with the highest mean score (mean 4.418) was the dormitory room, where respondents agreed that their rooms were comfortable for learning activities. As for the impact on learning, the majority of students also agreed that living in on-campus residential colleges improved their academic performance. On average, the level of satisfaction was high (mean 4.126). Respondents agreed that their dormitory rooms were comfortable for learning activities (mean 4.418). The findings of this study can assist the institution's management in making improvements to the facilities and services of residential colleges, thereby creating a more conducive learning environment to support students' academic excellence.

**Keywords:** Residential college, satisfaction level, academic performance.

## Pengenalan

Secara umumnya pelajar suka tinggal di koley kediaman berbanding dengan tinggal menyewa di luar kampus. Ini kerana kehidupan di kampus lebih tersusun berbanding dengan tinggal di luar. Pelajar luar kampus biasanya menghadapi cabaran besar yang berkaitan dengan persekitaran hidup mereka. Dalam kajian Muslim et al. (2012) menerangkan dapatan penyelidikan tentang kesan kepuasan hidup di kampus terhadap pembangunan pelajar, secara konsisten mempunyai pengalaman hidup dan pembelajaran yang positif. Pelajar yang mempunyai pengalaman positif lebih berkemungkinan melihat perjalanan program yang mereka ambil berjaya ditamatkan dengan baik dan telah meningkatkan kepuasan dengan pengalaman universiti keseluruhan mereka. Terdapat juga segelintir pelajar yang lebih suka untuk tinggal di luar menyewa di luar kampus. Dalam kajian Thomsen (2008) terdapat penjelasan berkaitan dengan prospek pelajar untuk tinggal di luar kampus. Biasanya kebarangkalian yang suka untuk tinggal di luar kampus adalah jantina lelaki. Antara sebab-sebabnya pelajar memilih untuk tinggal di luar kampus adalah: (a) boleh memasak, (b) tempoh kontrak sewa, (c) lokasi dengan kampus/bandar, (d) tempat letak kereta, (e) kebolehan tinggal dengan rakan baru atau rakan, dan (f) bilik mandi peribadi.

Terdapat kajian menunjukkan bahawa pencapaian akademik tidak mempengaruhi secara signifikan persekitaran kehidupan pelajar. Dalam keadaan yang lebih tidak menentu, Dasimah et al. (2011) melaporkan bahawa pencapaian akademik pelajar luar kampus tidak dipengaruhi oleh persekitaran walaupun tinggal di luar kampus dengan kehidupan yang lebih mencabar berbanding tinggal di dalam kampus. Walaupun secara umumnya, pelajar yang tinggal di kampus mempunyai banyak kelebihan dari segi pengurusan pembelajaran, namun situasi ini

membuka peluang untuk menjalankan kajian untuk melihat sejauh mana tahap kepuasan kehidupan di kampus dan implikasinya kepada pembelajaran. Ini kerana terdapat juga segelintir pelajar merasa terkongkong dengan kehidupan di kampus, dan merasa mereka hanya terpaksa kerana tidak mampu menyewa di luar. Keadaan tinggal di luar kampus bagi segelintir tempat dilihat lebih selesa dari pelbagai aspek khususnya yang berhampiran dengan pekan atau bandar.

Berdasarkan kepada senario ini, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti a) tahap kepuasan penghuni asrama terhadap persekitaran pembelajaran dan b) impak tinggal di kampus terhadap prestasi akademik pelajar. Kajian ini sangat penting bagi menambah baik aspek-aspek yang menghalang kepada proses pembelajaran yang berkesan bagi pelajar yang tinggal di kampus. Analisis ini membantu pihak pengurusan institusi pendidikan untuk mengenal pasti faktor-faktor persekitaran yang mempengaruhi pembelajaran pelajar, seperti kemudahan pembelajaran, keselesaan bilik, tahap kebisingan, dan infrastruktur sokongan. Dapatkan kajian boleh digunakan untuk menambah baik polisi pengurusan asrama, merancang penyelenggaraan fasiliti, dan membuat keputusan berkaitan pelaburan dalam kemudahan asrama. Selain itu, kajian ini juga penting untuk memastikan institusi pendidikan dapat menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif yang menyokong kejayaan akademik pelajar, sekali gus membantu mencapai matlamat institusi dalam melahirkan graduan yang berkualiti.

### Sorotan Kajian

Banyak kajian membincangkan kebaikan pelajar yang tinggal di asrama atau kolej kediaman. Kemudahan asrama pelajar di kampus bukan sahaja sebagai tempat kediaman namun menggalakkan akses mudah kepada kemudahan pembelajaran. Pelajar yang tinggal di asrama akan jauh daripada pengaruh ibu bapa mendorong mereka menjadi lebih berdikari dan matang dalam kehidupan bermasyarakat (Lika et al., 2022). Asrama umumnya dibina untuk mewujudkan persekitaran yang menyokong pelajar dalam pembelajaran dan menjalankan aktiviti akademik (Khan & Wulandari, 2017) serta untuk mewujudkan ekosistem pendidikan yang menyeluruh (Kartikakirana, 2017). Apandi dan Latiffi (2024) juga menjelaskan bahawa terdapat pengaruh pengurusan landskap di institusi terhadap emosi pelajar yang tinggal di kampus. Selain kemudahan akses, persekitaran sosial yang terbentuk di dalam asrama juga memberi impak positif kepada perkembangan interpersonal pelajar. Rahayu dan Arianti (2020) menjelaskan bahawa tinggal di asrama dapat mengeratkan interaksi sosial antara pelajar. Keadaan ini membolehkan pelajar membina rangkaian sosial yang kukuh, yang sering membantu mereka menyesuaikan diri dengan kehidupan kampus dan menyokong satu sama lain dalam aktiviti akademik dan sosial (Harijanto & Setiawan, 2017). Selain itu, dalam kajian Hidayati et al. (2017) menjelaskan bahawa pengalaman tinggal di kampus boleh menyumbang kepada pembangunan kemahiran peribadi dan profesional, seperti pengurusan masa, di samping menyediakan kemudahan yang menyokong penglibatan dalam aktiviti kurikulum (Febriyanti & Montessori, 2020). Oleh yang demikian, perlu memudahkan persekitaran pelajar yang selamat dan selesa (Adi & Trihadiningrum, 2021) bagi menjadikan asrama bukan sahaja tempat tinggal tetapi juga ruang pembelajaran yang penting untuk pelajar.

### Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan yang kajian kuantitatif. Seramai 184 pelajar daripada tiga program di Politeknik Besut Terengganu iaitu Diploma Reka Bentuk Fesyen Batik, Diploma Reka Bentuk Kraf dan Diploma Teknologi Maklumat mengambil bahagian dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik, di mana item dibina sendiri berdasarkan pandangan daripada kajian-kajian lepas. Bagi memastikan item yang dibina

adalah bersesuaian dan relevan dengan objektif kajian, beberapa pensyarah dalam kalangan mereka yang mempunyai kepakaran dalam penyelidikan dirujuk dan mengesahkan item kajian. Responden akan menjawab soal selidik berdasarkan 5-skala likert yang disediakan dalam borang soal selidik. Analisis kajian ini menggunakan analisis deskriptif untuk mengukur tahap persetujuan pelajar terhadap item kajian dalam borang soal selidik berdasarkan nilai min, dengan interpretasi tahap adalah mengikut skala seperti yang digunakan oleh Ngadiman et al. (2019): 1.00–1.99 (Lemah), 2.00–2.99 (Rendah), 3.00–3.99 (Sederhana), dan 4.00–5.00 (Tinggi).

### **Hasil Kajian**

#### 1. Latar Belakang Responden

**Jadual 1: Latar Belakang Responden**

		<b>Item</b>	<b>n</b>	<b>%</b>
Jantina	Lelaki	82	44.6	
	Perempuan	102	55.4	
Program	Diploma Reka Bentuk Fesyen Batik	38	20.7	
	Diploma Reka Bentuk Kraf	22	12.0	
	Diploma Teknologi Maklumat	124	67.4	
Semester	1	22	12.0	
	2	48	26.1	
	3	24	13.0	
	4	83	45.1	
	5	7	3.8	
HPNM	RM1000 – RM4849	130	70.7	
	RM10960 dan ke atas	8	4.3	
	RM4850 – RM10959	46	25.0	

Berdasarkan kepada Jadual 1, seramai 184 pelajar yang tinggal di kolej kediaman sejak dari semester 1 hingga sekarang. Semua mereka telah menjawab soal selidik secara dalam talian . Responden terdiri daripada perempuan (69.2%) berbanding lelaki (30.8%). Dari segi program pengajian, majoriti pelajar adalah daripada program Diploma Teknologi Maklumat (67.4%) diikuti oleh Diploma Reka Bentuk Fesyen Batik 20.7%). Kebanyakan responden berada di semester empat (45.1%), diikuti oleh semester dua (26.1%) dan semester tiga (45.1%). Selain itu, dari segi latar belakang keluarga, sebahagian besar ibu bapa responden mempunyai pendapatan kurang daripada RM4849 iaitu B40 (70.7%), diikuti oleh B40 (25%) iaitu pendapatan ibu bapa mereka antara RM4850 – RM10959.

## 2. Tahap Kepuasan Penghuni Asrama Terhadap Persekutaran Pembelajaran

**Jadual 2: Analisis Tahap Kepuasan**

<b>Bil</b>	<b>Item</b>	<b>S.P</b>	<b>Min</b>	<b>Tahap</b>
1	Ruang belajar di asrama selesa untuk digunakan.	0.755	4.408	Tinggi
2	Fasiliti pembelajaran seperti meja dan kerusi di asrama mencukupi untuk belajar	0.807	4.337	Tinggi
3	Bilik tidur di asrama selesa untuk aktiviti pembelajaran.	0.799	4.418	Tinggi
4	Kemudahan rekreasi di kawasan rehat asrama membantu mengurangkan tekanan belajar.	0.872	4.103	Tinggi
5	Suasana di kawasan rehat asrama tenang dan sesuai untuk belajar.	0.831	4.174	Tinggi
6	Makanan yang dijual di kawasan asrama adalah berkhasiat dan sesuai untuk pelajar.	1.037	3.277	Sederhana
7	Asrama menyediakan bahan pembelajaran yang mencukupi.	0.957	3.957	Sederhana
8	Akses internet di asrama stabil untuk keperluan pembelajaran.	0.998	3.826	Sederhana
9	Keselamatan di asrama memberikan ketenangan untuk saya belajar.	0.795	4.201	Tinggi
10	Berpuas hati dengan suasana tenang di asrama untuk belajar.	0.778	4.277	Tinggi
11	Mempunyai rakan sebilik yang tidak mengganggu pembelajaran	0.802	4.391	Tinggi
12	Aktiviti sosial di asrama tidak mengganggu jadual pembelajaran saya.	0.900	4.141	Tinggi
<i>Purata</i>		<i>4.126</i>		<i>Tinggi</i>

Jadual 2 menunjukkan analisis tahap kepuasan penghuni asrama terhadap persekitaran pembelajaran. Secara puratanya, tahap kepuasan adalah pada tahap yang tinggi (min 4.126). Item yang memperoleh skor min tertinggi (min 4.418) adalah bilik tidur di asrama, di mana responden bersetuju bahawa bilik tidur mereka adalah selesa untuk aktiviti pembelajaran. Kedua ialah ruang belajar yang selesa untuk digunakan (min 4.408), dan mempunyai rakan sebilik yang tidak mengganggu pembelajaran (min 4.391). Secara rumusannya, keselesaan fizikal dan suasana yang baik di asrama jelas memainkan peranan penting dalam menyokong keperluan pembelajaran penghuni. Ini menunjukkan bahawa persekitaran asrama yang selesa dan harmoni dapat meningkatkan keselesaan untuk pembelajaran penghuni kolej kediaman.

### 3. Impak Tinggal Di Kolej Kediaman Terhadap Prestasi Akademik Pelajar

**Jadual 3: Impak Terhadap Prestasi Akademik**

<b>Bil</b>	<b>Item</b>	<b>S.P</b>	<b>Min</b>	<b>Tahap</b>
1	Terdapat peningkatan prestasi akademik saya semasa tinggal di asrama	0.803	4.245	Tinggi
2	Pengurusan masa yang lebih baik semasa di asrama	0.741	4.326	Tinggi
3	Lebih fokus dan bermotivasi dalam pembelajaran semasa tinggal di asrama	0.723	4.315	Tinggi
4	Dapat menyiapkan setiap tugas dengan berkualiti semasa di asrama	0.731	4.315	Tinggi
5	Kehadiran kelas lebih konsisten semasa tinggal di asrama	0.703	4.408	Tinggi
6	Gred/ markah setiap penilaian bertambah baik semasa di asrama	0.759	4.310	Tinggi
<i>Purata</i>			<i>4.320</i>	<i>Tinggi</i>

Jadual 3 menjelaskan impak tinggal di kolej kediaman terhadap prestasi akademik pelajar. Secara puratanya majoriti responden bersetuju bahawa tinggal di asrama memberikan kesan yang baik kepada prestasi akademik mereka. Item yang memperoleh tahap persetujuan paling tinggi ialah pelajar dapat menjaga kehadiran ke kuliah. Mereka dapat menjaga kehadiran ke kelas dengan lebih konsisten semasa tinggal di asrama (min 4.408). Ini menunjukkan bahawa pelajar lebih berdisiplin dalam menghadiri sesi pembelajaran. Selain itu, pengurusan masa yang lebih baik apabila tinggal di asrama (min 4.326). Apabila tinggal di asrama, ia membantu pelajar menyusun jadual harian dengan lebih teratur. Manakala item ketiga adalah pelajar merasa terdapat peningkatan fokus dan motivasi dalam pembelajaran (min 4.315). Dapatkan ini menunjukkan suasana asrama yang kondusif untuk tujuan pembelajaran. Kajian menunjukkan penglibatan pelajar dalam aktiviti organisasi di kampus termasuk aktiviti akademik dan sosial di asrama mempunyai kaitan positif dengan pencapaian akademik mereka. Penglibatan ini dapat memudahkan pembelajaran yang lebih berkesan dan mewujudkan motivasi yang lebih tinggi dalam kalangan pelajar (Dariyo, 2018; Lie et al., 2022). Begitu juga dengan sokongan sosial daripada rakan sebaya di asrama di mana dapat mengukuhkan motivasi pembelajaran dan membantu pelajar mengatasi tekanan akademik yang sering menjadi penghalang untuk mencapai pencapaian akademik yang tinggi (Shaleh, 2016). Secara keseluruhan, tinggal di kolej kediaman menyumbang kepada banyak kebaikan termasuklah peningkatan disiplin, pengurusan masa, dan motivasi, yang secara langsung menyokong prestasi akademik pelajar.

### **Kesimpulan**

Banyak kelebihan apabila seorang pelajar tinggal di kolej kediaman yang disediakan oleh institusi. Pelajar dapat menikmati banyak kelebihan seperti kolej kediaman yang berhampiran dengan kelas. Pelajar mempunyai akses mudah kepada fakulti, sumber kakitangan dan perkhidmatan kampus lain. Justeru mereka hanya perlu menumpukan perhatian pada pelajaran mereka sahaja. Situasi ini berlaku apabila kolej kediaman yang disediakan benar-benar memberi keselesaan dan sokongan pembelajaran kepada penghuninya. Berdasarkan kepada objektif kajian yang dijalankan, kajian ini mendapati majoriti responden sangat berpuas hati

terhadap persekitaran pembelajaran di kolej kediaman Politeknik Besut Terengganu. Manakala bagi kesan terhadap pembelajaran, majoriti pelajar juga bersetuju bahawa tinggal di kolej kediaman kampus meningkatkan prestasi akademik mereka. Berdasarkan kepada dapatan kajian ini pihak pengurusan institusi perlu mempertimbangkan untuk mengkaji semula dan menambah baik dasar pengurusan kolej kediaman dengan memberi tumpuan kepada aspek-aspek persekitaran pembelajaran yang didapati mempengaruhi prestasi akademik pelajar, termasuk kemudahan pembelajaran, kawalan kebisingan, dan penyelenggaraan infrastruktur. Institusi pendidikan perlu membangunkan garis panduan baharu dalam perancangan dan pembangunan kolej kediaman pada masa hadapan dengan mengambil kira maklum balas kepuasan pelajar, di mana ini termasuk mewujudkan ruang pembelajaran yang lebih kondusif, meningkatkan kualiti perkhidmatan sokongan, dan memastikan persekitaran yang seimbang untuk pembelajaran dan kehidupan pelajar.

## Rujukan

- Adi, M. and Trihadiningrum, Y. (2021). Pengelolaan limbah elektronik di asrama mahasiswa di kota surabaya. *Jurnal Teknik Its*, 9(2). <https://doi.org/10.12962/j23373539.v9i2.54987>
- Apandi, W. N. A. W., & Latiffi, A. A. (2024). Pengaruh Pengurusan Lanskap Terhadap Emosi Pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). *Research in Management of Technology and Business*, 5(2), 716-731.
- Dariyo, A. (2018). Peran school well being dan keterlibatan akademik dengan prestasi belajar pada siswa sekolah dasar. *Journal Psikogenesis*, 5(1). <https://doi.org/10.24854/jps.v5i1.490>
- Febriyanti, F. and Montessori, M. (2020). Pembinaan perilaku sosial antar mahasiswa di asrama mahasiswa surau yayasan amal saleh. *Journal of Civic Education*, 3(1), 141-147. <https://doi.org/10.24036/jce.v3i1.333>
- Harijanto, J. and Setiawan, J. (2017). Hubungan antara dukungan sosial dan kebahagiaan pada mahasiswa perantau di surabaya. *Psychopreneur Journal*, 1(1), 85-93. <https://doi.org/10.37715/psy.v1i1.361>
- Hidayati, U., Claramita, M., & Prabandari, Y. (2017). Aplikasi teori belajar berkaitan dengan kemandirian belajar mahasiswa. *Jurnal Keperawatan Indonesia*, 20(1), 9-16. <https://doi.org/10.7454/jki.v20i1.322>
- Kartikakirana, R. (2019). Pembentukan compactness di kawasan kampus: studi kasus kawasan universitas amikom yogyakarta. *Jurnal Pengembangan Kota*, 7(2), 181-190. <https://doi.org/10.14710/jpk.7.2.181-190>
- Khan, R. and Wulandari, R. (2017). Studi komparasi fasilitas dan standar asrama di indonesia: studi kasus 5 universitas. *Idealog Ide Dan Dialog Desain Indonesia*, 1(2), 193-205. <https://doi.org/10.25124/idealog.v1i2.852>
- Lie, F., Bension, J. B., & Maelissa, M. M. (2022). Hubungan tingkat kepuasan mahasiswa tentang peran pembimbing akademik dengan indeks prestasi kumulatif di fakultas kedokteran universitas pattimura. *Molucca Medica*, 15(1), 9-16. <https://doi.org/10.30598/molmed.2022.v15.i1.9>
- Lika, O., Duha, M. S., & Santy, M. (2022). Asrama dan pembina asrama: medan pembentukan karakter mahasiswa. In *Theos : Jurnal Pendidikan Dan Theologi*, 2(3), 77-83. <https://doi.org/10.56393/intheos.v2i3.1227>
- Muslim, M. H., Karim, H. A., & Abdullah, I. C. (2012). Satisfaction of students' living environment between on-campus and off-campus settings: A conceptual overview. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 68, 601-614.
- Ngadiman, D. W. T., Yacoob, S. E., & Wahid, H. (2019). Tahap Harga Diri Kumpulan Berpendapatan Rendah yang Berhutang dan Peranan Organisasi dalam Sektor Perladangan. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 238-254.

- Rahayu, M. and Arianti, R. (2020). Penyesuaian mahasiswa tahun pertama di perguruan tinggi: studi pada mahasiswa fakultas psikologi uksw. *Journal of Psychological Science and Profession*, 4(2), 73. <https://doi.org/10.24198/jpsp.v4i2.26681>
- Shaleh, M. (2016). Pengaruh motivasi, faktor keluarga, lingkungan kampus dan aktif berorganisasi terhadap prestasi akademik. *Phenomenon : Jurnal Pendidikan MIPA*, 4(2), 109-141. <https://doi.org/10.21580/phen.2014.4.2.122>
- Thomsen, J. (2008). *Student housing–student homes?: Aspects of student housing satisfaction*. Fakultet for arkitektur og billedkunst. Philosophy Doctor, Norwegian University of Science and Technology, Trondheim